

TUJUAN

- Untuk memastikan ibu bapa / penjaga mematuhi serta memahami polisi dan peraturan yang telah ditetapkan.

LATAR BELAKANG

- Polisi merupakan satu dasar atau peraturan yang telah digariskan oleh pihak pengurusan iaitu pihak Pusat Perkembangan Minda Kanak-Kanak yang perlu dipatuhi oleh mereka yang terlibat iaitu ibu bapa (kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya) serta kanak-kanak di PPMK.
- Polisi dan peraturan yang dirangka ini merangkumi syarat-syarat pendaftaran dan kemasukan, yuran bulanan, pakaian, kesihatan, makanan, aktiviti dan sesi pembelajaran dan lain-lain.

OBJEKTIF

- Untuk memastikan kanak-kanak PPMK mendapat didikan / penjagaan yang rapi dan sempurna mengikut ketetapan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Untuk menyediakan perkhidmatan serta suasana penjagaan / pembelajaran kanak-kanak yang cekap dan kondusif.

Tarikh Kuatkuasa Polisi

DAN PERATURAN

- Tarikh kuatkuasa polisi dan peraturan-peraturan PPMK adalah bermula pada bulan **November 2016**.

Polisi Dan Peraturan

PENDAFTARAN

- Pendaftaran hanya dibuka untuk kanak-kanak yang berusia 3 bulan hingga 6 tahun sahaja.
- Pendaftaran kemasukan PPMK hanya terbuka kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai masalah emosi dan fizikal.
- Ibu bapa juga perlu memastikan anak-anak yang ingin mendaftar tidak mempunyai penyakit yang serius dan berjangkit yang memerlukan penjagaan rapi.

- Bagi satu keluarga (sama ada pendaftaran di bawah nama suami / isteri), jumlah kanak-kanak yang dibenarkan mendaftar di PPMK adalah terhad kepada 2 orang anak sahaja pada satu masa.
- Keutamaan diberikan kepada anak-anak pegawai / kakitangan MBPJ sahaja. Jika anak angkat, perlu mengemukakan dokumen asal dan menyertakan salinan yang telah disahkan sahaja yang layak dipertimbangkan bagi kemasukan ke PPMK.
- Permohonan akan dibuka pada bulan **November setiap tahun**. Semua permohonan hendaklah dipohon melalui e-PPMK bermula tahun November 2016 (mengikut kekosongan tempat). Tiada lagi senarai menunggu setelah penggunaan sistem e-PPMK dilaksanakan.
- Permohonan ibubapa untuk membuat penangguhan kanak-kanak yang telah diterima masuk ke PPMK dalam tempoh yang panjang (lebih daripada 1 bulan) tidak akan diterima. PPMK akan menawarkan tempat yang kosong kepada kanak-kanak lain.
- Ibu bapa / Penjaga yang mempunyai anak-anak di PPMK perlu mematuhi serta sentiasa bekerjasama dalam setiap peraturan dan arahan yang ditetapkan.
- Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak dapat memenuhi peraturan yang telah ditetapkan, pihak PPMK berhak untuk tidak menerima / menolak kemasukan anak-anak pada bila-bila masa.

YURAN BULANAN

Umur	Yuran
3 Bulan - 2 Tahun	RM200.00
3 Tahun	RM100.00
4 - 6 Tahun	RM80.00

- Yuran bulanan kanak-kanak PPMK akan dibuat melalui potongan gaji setiap bulan bermula bulan **Januari 2017**. Pembayaran melalui potongan gaji akan memudahkan semua pihak sama ada pengurusan PPMK dan juga ibu bapa.
- Yuran bulanan PPMK hendaklah dibayar penuh meskipun kanak-kanak tidak hadir sepenuhnya pada bulan tersebut terutamanya bagi tempoh cuti sekolah setiap hujung tahun (November & Disember).
- Pengecualian pembayaran yuran hanya diberikan kepada kanak-kanak 6 tahun yang telah melalui Majlis Konvokesyen pada bulan November / Disember sahaja.

- Pengecualian juga diberikan kepada ibu bersalin dalam tempoh cuti sah yang memilih untuk tidak menghantar anak pada tempoh tersebut dengan mengemukakan permohonan melalui e-mel / surat rasmi kepada pihak pengurusan PPMK.
- Sebarang rayuan pengurangan yuran untuk sebab-sebab lain tidak akan diterima oleh pihak PPMK.
- Selain daripada yuran bulanan, yuran buku, alat tulis dan baju seragam / sukan perlu diperjelaskan pada minggu pertama sesi pesekolah bermula.

PAKAIAN

- Memakai pakaian seragam – Kanak-kanak yang berumur 2-6 tahun diwajibkan memakai pakaian seragam seperti berikut :-

Isnin & Rabu	: Pakaian Seragam
Selasa & Khamis	: Pakaian Sukan
Jumaat	: Baju Melayu & Songkok / Kopiah (Lelaki) Baju Kurung & Tudung (Perempuan)

**** Bagi kanak-kanak perempuan adalah digalakkan memakai tudung ke PPMK setiap hari dan berpakaian sopan serta menutup aurat begitu juga dengan kanak-kanak lelaki.**

- Ibu bapa / penjaga juga hendaklah menyediakan :-
 - Baju yang bersih dan mencukupi. Pakaian yang kotor akan dipulangkan kepada ibu bapa setiap hari. Sehelai tuala bersih pada setiap hari Isnin dan akan dipulangkan kepada ibubapa pada hari Jumaat
 - Berus gigi, sabun mandian dan syampu (3 bulan sekali)
 - Susu dan botol susu (bagi kanak-kanak berusia 3 bulan - 3 tahun)
 - Lampin pakai buang (diapers – 5 unit sehari)

**** Sila tulis nama di atas setiap peralatan, tin susu dan sebagainya bagi mengelakkan berlaku pertukaran barang-barang.**

- Ibu bapa diminta untuk memastikan anak-anak dimandikan dan memakai pakaian seragam sebelum datang ke PPMK.
- Ibu bapa juga diminta untuk menukar lampin pakai buang kanak-kanak sebelum dihantar ke PPMK.
- Kanak-kanak dilarang daripada memakai barangan kemas dan membawa permainan. Pihak PPMK tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang berlaku.

KESIHATAN

- Ibu bapa hendaklah memastikan kebersihan luaran kanak-kanak dijaga seperti memotong kuku, membersihkan telinga, berpakaian bersih, kemas, rambut tiada kutu serta tidak berkulid.
- Kanak-kanak yang mempunyai penyakit berjangkit seperti cirit-birit, sakit mata, campak, demam panas yang serius, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dan sebagainya tidak dibenarkan untuk dihantar ke PPMK.
- Kanak-kanak yang sakit hendaklah mengambil cuti sakit dan tidak dibenarkan ke PPMK sehinggalah sembuh.

MAKANAN

- Ibu bapa tidak dibenarkan untuk membawa makanan kepada anak-anak terutamanya sarapan pagi. Pihak PPMK menyediakan makanan sarapan, makan tengah hari dan minum petang (3 x sehari).
- Ibu bapa perlu memaklumkan kepada pihak PPMK sebarang makanan atau sesuatu yang menyebabkan alergi / alahan kepada anak-anak mereka.

SESI PEMBELAJARAN

- Ibu bapa dikehendaki menghantar anak-anak ke PPMK sebelum jam 8.00 pagi bagi mengelakkan sesi pembelajaran dan pengajaran yang bermula tepat jam 8.00 pagi tidak terganggu serta lewat untuk sarapan pagi.
- Ibu bapa tidak dibenarkan menunggu di dalam kelas semasa sesi pembelajaran bermula atau melepak di mana-mana ruang di dalam kawasan PPMK.
- Segala peralatan dan buku hak milik PPMK tidak dibenarkan dibawa pulang oleh kanak-kanak tanpa kebenaran terlebih dahulu.
- Ibu bapa hendaklah sentiasa bekerjasama dengan guru-guru PPMK untuk sama-sama memberikan bimbingan kepada anak-anak dalam pembelajaran seharian dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.